

# **TOKOH SUFI WANITA RĀBĪ’AH AL - ‘ADAWIYYAH: MOTIVATOR KE ARAH HIDUP LEBIH BERMAKNA**

Oleh:

Che Zarrina Binti Sa’ari\*

## **Abstract**

*Rābī’ah al-‘Adawiyyah was a Sufi figure known by eastern and western scholars and Sufism supporters through her concept of Love of God, asceticism, fear of God, piety and her interesting poems and anecdotes. Nevertheless, not many of them discussed about her mystical experiences from psychological view in motivating human life towards “meaningful life”. Thus this article will try to highlight who is Rabi`ah al-`Adawiyyah, what are the concepts of Sufism introduced by her, which are of her poems and anecdotes influenced the readers and what are the motivational design can be developed through her mystical experiences in enhancing today’s human life towards meaningful life in order to attain the happiness in this world and the hereafter.*

## **PENDAHULUAN**

Sejak awal Islam lagi sejarah Islam menyambut kehadiran wanita yang diiktiraf sebagai wanita-wanita solehah. Ini membuktikan agama Islam secara saksama telah memberikan kemuliaan terhadap kaum wanita dan kaum lelaki tanpa melihat kepada persoalan perbezaan jantina. Allah SWT. telah menegaskan persamaan tersebut dalam surah al-Nisā’ ayat 124 bermaksud:

*“Barang siapa yang mengerjakan amal soleh baik lelaki maupun perempuan sedang ia orang yang beriman, maka mereka masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiayai sedikit pun.”*

Kaum wanita dan kaum lelaki adalah hamba Allah yang masing-masing bertanggungjawab melaksanakan segala suruhan yang digariskan oleh

---

\* Che Zarrina Sa’ari, PhD, Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Allah. Apa yang membezakan mereka hanyalah ketakwaan masing-masing sebagaimana firman Allah Ta’ala dalam surah al-*Hujurāt* ayat 13 bermaksud:

*“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”*

Serentak dengan perkembangan tasawuf dalam disiplin keilmuan Islam, didapati ianya turut memberi peluang besar kepada kaum lelaki dan wanita untuk menceburinya bagi merealisasikan tujuan penciptaan manusia di muka bumi ini.<sup>1</sup> Tujuan perjalanan kaum sufi yang digariskan oleh mereka seperti untuk bertaqarrub kepada Allah, menolak kemewahan dan tarikan dunia, mencairkan shahwat diri, menjalani kehidupan tafakkur, mencapai makrifat Allah, menenggelamkan diri dalam *mahabbah* Allah, mencapai *mushāhadah* Allah dan sebagainya telah mewujudkan hubungan antara seorang hamba dengan Penciptanya tanpa memberi ruang sedikit pun kepada perbezaan jantina.

Dalam dunia kerohanian ini, lahirlah seorang wanita bernama Rābi`ah al-`Adawiyyah yang terkenal dengan amal ibadahnya terhadap Allah Ta’ala melebihi segala-galanya. Rābi`ah al-`Adawiyyah adalah seorang tokoh sufi yang sering diperkatakan oleh para pengkaji dan peminat tasawuf samada dari Timur, Barat dan tempatan. Beliau cukup terkenal dengan konsep cinta Ilahinya (*hubb Allāh*), zuhudnya, *khawfnya*, ketakwaannya dan sya`ir-sya`irnya yang menarik serta anekdot-anekdot yang tidak pernah lapuk dalam sejarah keilmuan Islam. Namun tidak ramai yang memperkatakan tentang peranan pengalaman kesufiannya sebagai suatu bentuk motivasi dalam membentuk hidup insan yang lebih bermakna. Oleh itu aertikel ini akan menjelaskan tentang siapakah Rābi`ah al-`Adawiyyah, apakah konsep-konsep kesufian yang diperkenalkannya, apakah contoh-contoh syair dan anekdotnya yang memberi kesan kepada pembaca dan apakah bentuk motivasi yang mampu digarap daripada pengalaman-pengalaman kesufiannya untuk mendorong kepada kehidupan insan kini ke arah yang lebih bermakna demi mencapai kebahagiaan dunia dan ukhrawi.

<sup>1</sup> Al-Hujwiri (1991), *The Kashf al-Mahjub: The Oldest Persian Treatise on Sufism*, (trj.) Reynold A. Nicholson, New Delhi: Taj Company, h. 210.

## LATAR BELAKANG KEHIDUPAN RĀBI'AH AL-'ADAWIYYAH SEBAGAI MOTIVASI HIDUP INSAN

Beliau ialah Rābi'ah binti Ismā'il al-'Adawiyyah al-Qaysiyyah.<sup>2</sup> Beliau turut digelar sebagai 'Umm al-Khayr.<sup>3</sup> Beliau dilahirkan di Basrah, tetapi para sarjana berselisih pendapat mengenai tahun kelahirannya. Ada yang berpendapat, beliau dilahirkan pada tahun 95H/713M<sup>4</sup>, ada pula yang mengatakan pada tahun 96H/714M<sup>5</sup> dan ada yang berpandangan beliau dilahirkan pada tahun 99H/717M.<sup>6</sup> Hal ini terjadi kerana tiada sumber-sumber yang kukuh menceritakan tentang tarikh lahir Rābi'ah secara tepat dan terperinci.<sup>7</sup> Di samping beliau juga tidak meninggalkan apa-apa bahan bertulis yang boleh dijadikan bahan rujukan tentang tarikh kelahirannya.<sup>8</sup> Beliau berasal dari keluarga miskin tetapi soleh dan dibesarkan di kota kelahirannya.

Pada saat kelahirannya, beliau disambut dengan serba kekurangan sehingga ibunya pernah berkata kepada suaminya: “Abang tercinta! Pergilah ke rumah jiran kita, mungkin mereka memiliki setitik minyak dan sehelai kain yang boleh dihadiahkan kepada kita, tolong mintakannya. Biar anak kita yang baru lahir ini boleh diselimuti oleh sehelai kain”. Keinginan itu

<sup>2</sup> Ramai para pengkaji beliau yang terkeliru antara Rābi'ah al-'Adawiyyah dari Basrah dengan Rābi'ah atau Rabi'yah bint Ismā'il dari Syria yang juga merupakan tokoh sufi wanita tetapi hidup selepas Rābi'ah al-'Adawiyyah. Lihat Margaret Smith (1994), *Rabi'a the Mystic and Her Fellow-Saints*, Felinfach: Llanerch Publisher, h. 140-144; Muhammad Athiyah Khamis (2000), *Rabiah al-Adawiyah*, Kuala Lumpur: Thinker's Library, h. xi-xii.

<sup>3</sup> 'Abd al-Rahmān Badawī (1978) *Shahīdah al-'Ishq al-Ilāhi Rābi'ah al-'Adawiyyah*, Kuwait: Wakālah a-Maṭbū'ah, h.13.

<sup>4</sup> Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq (1984), *al-Taṣawwuf*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, hlm. 114; Muḥammad Shafīq Ḥarbālī (t.t.), *Rābi'ah al-'Adawiyyah*, *al-Mawṣū'ah al-'Arabiyyah Muyassarah*, Kaherah: Dār al-Qawmiyyah li al-Tibā'ah wa al-Nashr, h. 54; Margaret Smith (1994), *op. cit.*, h. 5.

<sup>5</sup> Drs. Asmaran *Pengantar Studi Tasawuf*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada h. 268.

<sup>6</sup> Muḥammad Shafīq Ḥarbālī (t.t.), *op. cit.*, h. 54; Margaret Smith (1994), *op.cit.*, h. 5; Zakaria Stapa (1996), *Tasawuf dan Empat Tokoh Sufi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, h. 90.

<sup>7</sup> 'Abd al-Rahmān Badawī mengungkapkan: “Kita hanya megetahui peringkat pertama kehidupan Rābi'ah melalui Shaykh Farīd al-Dīn 'Aṭṭār di dalam bukunya *Tadhkirah al-Awliyā'*”. 'Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op.cit.*, h. 12; 'Abd al-Qādir Maḥmūd (t.t.), *al-Falsafah al-Sūfiyyah fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 163.

<sup>8</sup> Fayṣal Badir'Un (1983), *al-Taṣawwuf al-Islāmī al-Tariq wa al-Rijāl*. Kaherah: Maktabah Sa'īd Ra'fah, h. 139.

disambut oleh bapanya dengan hati yang berat kerana sebagai seorang yang soleh, bapanya tidak suka meminta-minta daripada manusia lain selain daripada Allah SWT. Walau bagaimanapun untuk tidak menghamparkan permintaan isterinya, bapa Rābi`ah telah keluar mengetuk beberapa pintu rumah tetangganya, tetapi tidak ada seorang pun yang membuka pintu. Lalu bapanya kembali ke rumah dan berkata kepada isterinya: “Isteriku, tetangga kita sedang tidur lena. Bersyukurlah kepada Allah kerana selama hayat kita belum pernah kita meminta-minta. Lebih baik selimuti sahaja anak kita dengan sehelai kain yang masih basah itu. Percaya dan tawakal kepada Allah. Tentu Dia akan memberikan jalan keluar yang terbaik untuk kita. Dan hanya Dialah yang memelihara serta memberikan kecukupan pada kita. Percayalah wahai isteriku tercinta.”<sup>9</sup> Secara tidak langsung pengalaman bapa Rābi`ah memperlihatkan ketergantungan manusia seharusnya diletakkan kepada Allah Ta’ala semata-mata melalui doa, pengharapan (*rajā’*) dan tawakal tanpa perlu meminta-minta dari sesama manusia kerana Allahlah yang menyedia dan menentukan rezeki hamba-hambaNya.

Kemudian bapanya menamakannya dengan nama Rābi`ah disebabkan beliau adalah anak perempuannya yang keempat. Pada malam tersebut ayah Rābi`ah telah bermimpi bertemu dengan Nabi s.a.w. di mana Baginda bersabda kepadanya: “Janganlah kamu bersedih kerana anak perempuan kamu yang baru dilahirkan itu merupakan seorang yang dikasihi Allah, 70 ribu daripada umatku mengharapkan syafaatnya”. Esok hari pergilah engkau menghadap ‘Isā Zadhan, Gabenor Basrah. Tulislah kata-kata ini di atas sekeping kertas: “Wahai Amir, engkau biasanya sembahyang 100 rakaat pada setiap malam dan setiap malam Jumaat pula 400 rakaat. Tetapi pada malam Jumaat yang terakhir, engkau telah lupa melaksanakannya. Oleh itu, bagi menebusnya, berikan 400 dinar kepada lelaki yang membawa surat ini.” Pada keesokan harinya, bapa Rābi`ah menulis sepucuk surat seperti yang dipesan oleh Baginda dan kemudian pergi ke istana Gabenor Basrah tetapi bapanya tidak dapat bertemu dengan Gabenor tersebut dan hanya meninggalkan surat itu kepada pengawal istana agar disampaikan kepada ‘Isā Zadhan. Setelah menerima surat itu, ‘Isā Zadhan telah memenuhi permintaan dalam surat tersebut dengan menemui sendiri bapa Rābi`ah di rumahnya.<sup>10</sup> Bermula dari

<sup>9</sup> Farid al-Din `Attar (t.t.), *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya’ (Memorial of the Saints)*, (trj.) A.J. Arberry, Delhi: Muslim Media, h. 40; Tāhā `Abd al-Bāqī Surūr (1954), *Rābi`ah al-`Adawiyyah wa al-Hayāh al-Ruhāyyah fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Kutub al-`Arabi, h. 28; ‘Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 12.

<sup>10</sup> Farid al-Din `Attar (t.t.), *op. cit.*, h. 41; Tāhā `Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 28; ‘Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 12.

saat inilah, keluarga Rābi`ah telah berubah persepsi terhadap Rābi`ah dan mereka menyambutnya dengan penuh rasa gembira dan bersyukur. Situasi ini memperlihatkan bahawa kesusahan yang diiringi dengan keyakinan terhadap pertolongan Allah mampu membawa manusia ke arah menyelesaikan permasalahan hidup yang kadang-kala tidak terlintas pun di hati manusia itu sendiri, malahan kewujudan seseorang manusia di muka bumi ini telah pun ditentukan untung ruginya nasib mereka oleh Allah Ta'ala. Ungkapan yang mengatakan bahawa anak perempuan kecil ini akan menjadi seorang yang dimuliakan Allah menunjukkan agama Islam tidak pernah meletakkan urusan jantina sebagai penentu kepada kemuliaan manusia di sisi Allah.

Rābi`ah dikatakan berasal dari suku kabilah `Atīq yang berasal dari puak Qays bin al-'Adī. Oleh yang demikian, beliau digelar Rābi`ah al-Qaysiyah atau Rābi`ah al-'Adawiyyah. Manakala gelaran Rābi`ah al-Baṣriyyah disandarkan kepada tempat kelahirannya iaitu di Kota Basrah.<sup>11</sup> Sebagaimana yang di riwayatkan oleh pencatat biografinya, kehidupan Rābi`ah sejak kecil sering dirundung malang, namun beliau telah memperlihatkan tahap kewarakhan yang tinggi. Beliau dan keluarganya hidup dalam kemiskinan di mana bapanya hanya memiliki sebuah perahu kecil yang dijadikan mata pencariannya dan Rābi`ah sering kali mengikut bapanya keluar mencari rezeki. Sejak kecil juga, Rābi`ah sering memerhatikan bagaimana bapanya melakukan ibadah kepada Allah dengan membaca al-Qur'an dan berzikir. Malahan beliau turut melakukan amalan tersebut sebagaimana yang pernah dilihat dan didengar daripada bapanya. Secara tidak langsung amal ibadah tersebut telah membentuk dirinya berakhhlak mulia dan matang berfikir. Sebagai contohnya, pada suatu hari ketika seluruh keluarga duduk menghadap makanan yang terhidang, Rābi`ah merenung bapanya seolah-olah meminta penjelasan mengenai makanan yang terhidang itu. Namun bapanya masih berdiam diri, lalu Rābi`ah berkata: "Ayah aku tidak ingin ayah menyediakan makanan yang tidak halal." Dengan kehairanan bapanya menatap wajah anaknya yang masih kecil lalu menjawab: "Rābi`ah apa pendapatmu jika tiada lagi yang boleh kita peroleh kecuali barang yang haram?". Rābi`ah menjawab: "Lebih baik kita menahan lapar di dunia, ini lebih baik daripada kita menahannya di akhirat kelak dalam api neraka."<sup>12</sup> Maka sedarlah bapanya bahawa puterinya yang masih kecil itu telah menunjukkan tanda-tanda keimanan yang telah kukuh dan mantap yang sanggup menghadapi ujian-ujian kesusahan yang mendatang.

<sup>11</sup> 'Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 13; Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 27-29.

<sup>12</sup> Muhammad Athiyah Khamis (2000), *Penyair Wanita Sufi Rabiah al-Adawiyah*, Kuala Lumpur: Thinkers Library, h. 2-3.

Pada masa ini juga Rābi`ah sangat tekun menghafal al-Qur'an. Apabila selesai menghafal, dia duduk dan menghafalnya kembali dengan penuh perasaan khusyuk dan menghayati segala maknanya. Rābi`ah sering mengasingkan diri, berwajah muram dan bersedih serta sering dalam keadaan berjaga untuk beribadah kepada Allah. Sikapnya ini membuatkan bapanya menitiskan air mata.<sup>13</sup>

Semasa kecil ini juga, kedua ibu bapa Rābi`ah meninggal dunia yang menyebabkan beliau hidup bersama kakak-kakaknya sebagai yatim piatu. Mereka mengharungi cabaran hidup tanpa bantuan saudara lelaki atau harta peninggalan bapanya melainkan sebuah perahu tambang yang kemudiannya digunakan oleh Rābi`ah bagi mencari rezeki.<sup>14</sup> Tidak lama kemudian, kota Basrah dilanda kemarau yang panjang menyebabkan berlakunya kebuluran. Situasi ini telah memaksa Rābi`ah dan kakak-kakaknya meninggalkan rumah mereka untuk mencari makanan dan minuman. Namun dalam perjalanan tersebut Rābi`ah telah terpisah dengan adik beradiknya<sup>15</sup> yang menyebabkan beliau menumpang sebuah kabilah. Malangnya kabilah tersebut telah diserang perompak dan Rābi`ah telah ditangkap lalu dijual dengan harga 6 dirham. Rābi`ah dibeli oleh seorang saudagar yang bengis dan beliau kemudiannya dilayan dengan layanan buruk dan dibebankan dengan kerja-kerja yang berat.<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak pernah mematahkan semangat Rābi`ah untuk terus berbakti kepada Allah Ta'ala sehingga suatu hari ketika Rābi`ah dalam perjalanan ke pasar untuk mendapatkan keperluan tuannya, beliau telah dikejar oleh sekumpulan lelaki jahat. Beliau melarikan diri tetapi telah tergelincir lalu jatuh yang menyebabkan tangannya patah. Beliau kemudiannya berdoa meminta pertolongan Allah, katanya: "Wahai Tuhanku, aku seorang yang asing, seorang yatim, tanpa ibu dan bapa, seorang yang terkurung tanpa harapan telah jatuh ke dalam pengurungan, tanganku patah tetapi aku akan menghadapi semua ini dengan sabar. Apa yang aku teramat ingin tahu ialah apakah Engkau redha atau tidak kepadaku?" Sejurus kemudian Rābi`ah terdengar suatu suara berseru kepadanya: "Janganlah kamu bersedih kerana di hari kebangkitan kelak kamu akan berada dalam barisan orang-orang yang hampir kepada Allah. Makhluk lain akan merasa dengki dengan kamu."<sup>17</sup> Selepas peristiwa ini Rābi`ah terus-terusan melakukan ibadah sepanjang malam walaupun di siang hari beliau letih melakukan

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 3.

<sup>14</sup> Tāhā `Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 33.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 33; `Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 16.

<sup>16</sup> Farid al-Din `Attar (t.t.), *op. cit.*, h. 41.

<sup>17</sup> *Ibid.*; Tāhā `Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 35-36; `Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 16.

kerja-kerja yang banyak, tetapi pada malamnya beliau beribadah sepanjang malam kepada Allah. Kelebihan yang dialaminya tidak dijadikan sebagai penghalang untuk beliau terus menjadi insan yang mendekati Allah.

Pada suatu malam, tuannya terdengar Rābi'ah berdoa: "Wahai Tuhanmu, Engkau lebih tahu betapa hatiku benar-benar ingin mentaatiMu dan melaksanakan segala perintahMu. Jika aku bebas aku tidak akan berhenti walau sesaat pun untuk bermunajat kepadaMu. Tetapi apa dayaku kerana Engkau telah menjadikan aku hamba kepada manusia." Ketika itu juga tuannya melihat satu pelita tergantung di awang-awangan menerangi rumah tersebut. Peristiwa ini menginsafkan tuannya lantas Rābi'ah dibebaskan setelah beliau tidak mahu lagi tinggal di rumah tuannya walaupun sebagai tetamu rumah tersebut.<sup>18</sup> Kebebasannya digunakan sepenuhnya untuk beliau mendekatkan diri kepada Allah SWT.<sup>19</sup> dengan mengikuti halaqah-halaqah di masjid-masjid, menyertai halaqah zikir bersama para 'ābid dan menghadiri majlis-majlis ilmu bersama tokoh-tokoh sufi seperti Ibrāhīm Adham, Mālik bin Dīnar, Sufyān al-Thawrī dan lain-lain lagi.<sup>20</sup> Hasil kurniaan kebebasan tersebut, Rābi'ah telah menetapkan hidupnya hanyalah untuk menghambakan diri kepada Allah semata-mata.

Sebagaimana tarikh lahirnya, tarikh kematian Rābi'ah juga tidak dapat dipastikan dengan tepat menyebabkan para penyelidiknya berselisih pendapat mengenainya. Ada yang mengatakan beliau meninggal pada tahun 135H

<sup>18</sup> Farid al-Din 'Attar (t.t.), *op.cit.*, h. 42; Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 37; 'Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 19.

<sup>19</sup> Ada pendapat yang mengatakan Rābi'ah selepas dibebaskan berkecimpung dalam bidang muzik sebagai peniup seruling, tetapi kemudiannya beliau bertaubat dan beruzlah serta melakukan amal ibadat semata-mata. Badawī telah menerima pandangan ini serta membuat andaian-andaian sendiri tentang kehidupan Rābi'ah pada masa tersebut. Rabi'ah dikatakan tertarik kepada kehidupan dunia sehingga leka sebagai penyanyi dan terjerumus ke lembah shahwat, tetapi akhirnya bertaubat yang mana taubat ini sebagai bukti keterlanjuran beliau. ('Abd al-Rahmān Badawī (1978), *op. cit.*, h. 20-21). Namun Surūr menolak pandangan tersebut dengan alas an bahawa berdasarkan hakikat sejarah hidupnya sejak dari kecil lagi, Rābi'ah telah menunjukkan kewarakannya luar biasa, menyerahkan seluruh hidupnya kepada Allah Ta'alā, tidak pernah mengangkat mukanya ke langit kerana malu kepada Allah, tenggelam dalam sembahyang sepanjang malam dan berpuasa di siang hari serta sabar dalam menanggung kesusahan dan penderitaan semata-mata mengharapkan keredaan Allah. Oleh itu adalah tidak munasabah Rābi'ah boleh melupakan nikmat Allah dengan mensia-siakan kebebasan yang diberikan Allah dengan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan suruhan Allah. Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 40.

<sup>20</sup> Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 41.

dan ada yang mengatakan pada tahun 185H. Tetapi mereka tidak berselisih pendapat berkenaan tempat pengebumiannya iaitu di kota Basrah kerana terdapat bukti kuburnya terletak di sana.<sup>21</sup> Namun kebanyakan pengkaji lebih cenderung mengatakan beliau meninggal pada tahun 185H dengan alasan Rābi`ah pernah bersahabat dengan Riyah bin `Amr al-Qaysī seorang tokoh sufi yang meninggal pada tahun 180H. Rābi`ah juga sempat berjumpa, berdiskusi dan bersahabat dengan Sufyān al-Thawrī yang datang ke Basrah selepas tahun 155H dan beliau juga pernah dipinang oleh Gabenor Basrah, Muḥammad bin Sulaymān al-Hāshimī yang memerintah Basrah pada tahun 145-172H.<sup>22</sup>

## RABI'AH DAN KONSEP TASAWUF SEBAGAI MOTIVASI HIDUP INSAN

Tidak dapat dinafikan perbincangan tentang apa sahaja konsep yang dipegang oleh Rābi`ah akan menunjangi konsep cinta Ilahi (*mahabbah Allāh*) nya. Persoalan cinta Ilahi ditonjolkan oleh para sufi bukannya hanya di bibir sahaja dengan tasbih, tahnid dan takbir, malah ditonjolkan melalui penghayatannya dalam setiap gerak geri mereka. Menurut al-Qushayrī, cinta hampir tidak dapat di definisi dengan kata-kata, bahkan tidak dapat diungkap dengan mana-mana pengertian, tetapi cinta ini hanya dapat dirasai kerana cinta sejati tidak memerlukan ungkapan.<sup>23</sup> Meskipun tidak dapat diungkap, namun menurut al-Qushayrī lagi cinta Ilahi ditandai beberapa perkara iaitu kejernihan hati dengan cinta kasih; kecenderungan abadi yang menusuk kalbu orang yang sangat mencintai; mendahulukan Tuhan yang dicintai daripada diri sendiri; kesetiaan tidak berbelah bagi pada Tuhan yang dicintai; kesepakatan hati dengan kehendak-kehendak Tuhan yang dicintai; menggapai ket�atan dan menentang kederhakaan; memuji-muji sifat indah yang dimiliki Tuhan yang dicintai dan melupakan sifat-sifatnya sendiri; memberi sesuatu kepada Tuhan yang dicintai tanpa bersisa; menghapus ingatan kecuali kepada Tuhan yang dicintai; merasa cemburu dan membuat orang yang mencintai mabuk kepayang. Atau dengan kata lain cinta Ilahi akan membawa seseorang redha iaitu memberikan ket�atan tanpa disertai sebarang penyangkal; *shawq* iaitu kerinduan yang mendalam untuk bertemu Tuhan; dan *Uns* iaitu

<sup>21</sup> Muṣṭafā `Abd al-Rāziq (1984), *op.cit.* , h. 114-115.

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Al-Qushayrī (t.t.), *al-Risālah al-Qushayriyyah*, Kaherah: Dār al-Fikr al-`Arabi, h. 319-320.

mempunyai hubungan spiritual yang intim yang terjalin antara orang yang mencintai dengan Tuhannya.<sup>24</sup>

Rābi`ah dalam menjalani proses cinta Ilahinya memiliki tanda-tanda yang dinyatakan oleh al-Qushayrī tersebut sehingga beliau akhirnya disebutkan sebagai tokoh sufi pertama dan pengasas yang mengalunkan konsep cinta Ilahi tanpa mengharapkan balasan,<sup>25</sup> tetapi mengungkapkan rasa kecintaannya dalam latihan kerohanian, syair-syair dan juga prosa-prosanya.<sup>26</sup> Namun begitu Rābi`ah berkata: “Tidak ada perantaraan antara orang yang mencintai dengan orang yang dicintainya. Cinta berbicara dengan rindu dan perasaan. Hanya orang yang merasakan cinta sahaja yang dapat mengenal apa itu cinta kerana cinta tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Cinta itu sendiri yang mampu menjelaskan dirinya.”<sup>27</sup> Katanya lagi: “Tidak mungkin seseorang mampu menjelaskan sesuatu yang belum dikenalinya. Kehebatan cinta menyebabkan lidah menjadi kelu, meletakkan diri dalam kebingungan sehingga menutupi akal dari menyatakan sesuatu. Cinta itu mampu menguasai hati.”<sup>28</sup> Kecintaan Rābi`ah terhadap Allah sukar digambarkan untuk ditafsirkan dengan kata-kata tetapi dibuktikan melalui ibadat yang dilakukan secara berterusan, semakin banyak ibadah seseorang hamba kepada Allah, semakin kuat cintanya kepada Allah dan sebaliknya semakin kuat cinta seseorang hamba kepada Allah, semakin kuat ibadahnya. Cinta Ilahi Rābi`ah yang tinggi dapat dilihatkan melalui anekdotnya, umpamanya beliau pernah berkata: “Wahai Tuhan, jika aku menyembahMu kerana takut kepada nerakaMu, maka bakarlah aku dengannya. Jika aku menyembahMu kerana mengharapkan syurgaMu, maka keluarkanlah aku darinya. Tetapi sekiranya aku menyembahMu semata-mata kerana cintaku kepadaMu, maka janganlah Engkau menutup keindahan wajahMu yang abadi dari pandanganku.”<sup>29</sup>

<sup>24</sup> Al-Qushayrī (t.t.), *op. cit.*, h. 320-326; Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir (2001), *Nuansa-nuansa Psikologi Islam*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 259.

<sup>25</sup> Pada masa tersebut, kebanyakan ahli sufi menekankan konsep pengabdian diri pada Allah kerana takutkan nerakaNya dan mengharapkan pahala dan syurgaNya. Margaret Smith (2000), *op.cit.*, h. 97.

<sup>26</sup> `Abd al-Mun'im Qindil (1997), *Rabi'ah al-Adawiyah Dan Cinta*, (trj.) Mohd Sofwan Amrullah dan Mohd Royhan Hasbullah, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, h. 95.

<sup>27</sup> Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op. cit.*, h. 101.

<sup>28</sup> `Abd al-Mun'im Qindil (1997), *op. cit.*, h. 158.

<sup>29</sup> Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1954), *op.cit.*, h. 57; Abū al-Wafā' al-Ghānīmī al-Taftazānī (1979), *Madkhāl ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Thaqāfah li-al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, h. 87.

Apabila ditanya tentang hakikat imannya, Rābi`ah menjawab kepada Sufyān al-Thawrī: “Aku bukan menyembahNya kerana takutkan nerakaNya dan bukan pula kerana inginkan syurgaNya sehingga sikapku tidak ubah seperti seorang penerima upah yang jahat. Tetapi aku menyembahNya adalah semata-mata kerana cinta dan rinduku kepadaNya.”<sup>30</sup> Jelas dapat dilihat penghayatan cinta Ilahi Rābi`ah yang mencintai Allah dengan sepenuh raganya sehingga tidak meletakkan kehendak manusia biasa untuk memasuki syurga dan menghindari neraka sebagai matlamat ibadahnya, tetapi menjadikan cinta kasihnya kepada Allah sebagai lambang kesungguhan penyerahan dirinya kepada Allah. Cinta ini jugalah yang menyebabkan Rābi`ah sering menolak untuk berkahwin kerana beliau mahu membebaskan diri dan hatinya daripada mencintai makhluk Allah kerana cintanya yang tulus suci kepadaNya. Katanya: “Perkahwinan itu penting bagi orang yang mempunyai pilihan. Tetapi aku tidak mempunyai pilihan kerana aku sudah bernazar dan menetapkan untuk mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.. aku telah memutuskan untuk hidup di bawah perintah-perintahNya.”<sup>31</sup> Cinta luar biasa yang dialami Rābi`ah menggambarkan cinta Ilahi kerana mengharapkan atau perasaan takutkan pembalasanNya bukanlah cinta yang ikhlas dan sebenarnya. Oleh itu Rābi`ah pernah berkata: “Akan aku nyalakan api di syurga dan aku simbahkan air di neraka supaya kedua-dua halangan ini dapat dihilangkan daripada orang-orang yang menuju ke jalan Allah SWT. dan akan menjelaskan lagi tujuan mereka lalu mereka dapat melihat Allah SWT. tanpa sesuatu yang menyebabkan mereka mengharap dan merasa takut. Sekiranya tidak ada syurga dan neraka, masih adakah orang yang menyembah dan mentaati Allah SWT.”<sup>32</sup>

Kecintaan Rābi`ah terhadap Allah juga diungkapkan melalui bait-bait syairnya yang indah dan berkesan, antaranya beliau pernah mengalunkan:<sup>33</sup>

*Aku mencintaiMu dengan dua cinta  
Cinta kerana diriku dan cinta kerana diriMu  
Cinta kerana diriku dalam keadaan sentiasa mengingatiMu  
Cintaku kerana diriMu  
Agar Engkau bukakan hijab bagiku  
Membolehkan agar aku dapat melihat Engkau*

<sup>30</sup> Muṣṭafā `Abd al-Rāziq (1984), *op. cit.*, h. 127; Hamka (1966), *Perkembangan Tasyaif dari Abad ke Abad*, Jakarta: Penerbit Pustaka Islam, h. 72

<sup>31</sup> `Abd al-Mun`im Qindil (1997), *op. cit.*, h. 69.

<sup>32</sup> Tāhā `Abd al-Bāqī Surūr (1978), *op. cit.*, h. 58.

<sup>33</sup> Margaret Smith (1994), *op. cit.*, h. 102-103; Tāhā `Abd al-Bāqī Surūr (1978), *op. cit.*, h. 106. Muṣṭafā `Abd al-Rāziq (1984), *op. cit.*, h. 126-127.

*Bagiku ini bukanlah pujiann untukku  
Pujiann hanya tertumpu padaMu*

“Cinta kerana diriku” yang diungkap oleh Rābi`ah membawa maksud beliau menyaksikan Allah dengan penuh keyakinan sehingga timbul rasa sentiasa bersama denganNya. Manakala “Cinta kerana Allah” pula bermaksud cinta dengan pengagungan dan pemuliaan terhadap Allah kerana Dialah Zat yang Maha Agung. Cinta inilah menurut Rābi`ah merupakan cinta paling agung kerana terhasil dari proses perenungan kejamalan dan kejalalan Allah SWT.<sup>34</sup> Rābi`ah juga pernah bermunajat kepada Allah dengan menyatakan bahawa seluruh jiwa raganya telah dipenuhi dengan cinta Ilahi yang tidak memberi ruang untuk diisi dengan cintai terhadap makhluk lain.

*Tuhanku, tenggelamkanlah aku dalam cintaMu  
Sehingga tidak ada sesuatu pun yang dapat menggangguku  
Ketika bersamaMu*

*Tuhanku, bintang-bintang di langit berkelip gemerlapan  
Manusia telah terlena dibuai keasyikan  
Pintu-pintu istana telah tertutup rapat  
Pada saat itulah semua pencinta  
Menyendiri bersama yang dicintainya*

*Tuhanku, inilah aku berada di hadratMu  
Ketika malam kian berlalu  
Siang hampir menjelang  
Aku rasa gelisah  
Apakah amalanku Engkau terima*

*Hingga aku merasa bahagia  
Atau Engkau tolak  
Hingga aku merasa sedih*

*Demi kekuasaanMu  
Inilah yang sering aku lakukan  
Selama Engkau memberi hayat kepadaku  
Sekiranya Engkau usir aku dari depan pintuMu  
Aku tidak akan pergi  
Akibat cintaku padaMu  
Telah memenuhi seluruh jiwaku<sup>35</sup>*

<sup>34</sup> Ibrāhīm Bāsyūnī (t.t.), *Nash'ah al-Taṣawwuf al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Ma`ārif, h. 193.

<sup>35</sup> Drs. Asmaran (t.t.), *Pengantar Studi Tasawuf*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 271.

Selain itu, Rābi`ah juga turut terkenal dengan konsep zuhudnya. Kelangsungan konsep zuhud Rābi`ah sentiasa berjalan seiring dengan konsep cinta Ilahinya. Cara hidup zuhud telah dipraktikkan sejak awal Islam iaitu kurun pertama Hijrah lagi dan menjadi teras kepada pembentukan tasawuf pada zaman seterusnya. Malahan menurut kebanyakan pengkaji tasawuf, cara hidup kesufian pada peringkat awalnya dimanifestasikan melalui cara hidup zuhud tersebut. Malahan pada masa itu, kalimah sufi sendiri masih belum popular dan para pengkaji menggunakan pakai beberapa kalimah yang antaranya adalah kalimah *zuhhād* untuk merujuk golongan yang melibatkan diri dengan cara hidup beliau menumpang kesufian.<sup>36</sup> Ramai tokoh awal Islam yang di lihat melibatkan diri ke dalam cara hidup ini. Sayyidina ‘Alī ibn Abī Tālib r.a. yang sering kali dimasukkan ke dalam susur galur (*silsilah*) kaum sufi pernah berkata: “Jika seseorang itu mengambil apa yang ada di permukaan bumi ini dengan maksud hanya kerana Allah, maka beliau bukanlah dari orang yang gemarkan kemewahan dunia.”<sup>37</sup> Sufyān al-Thawrī pula berpendangan, “zuhud terhadap dunia ialah sentiasa merasakan ajalnya telah hampir tiba; tidak makan makanan yang lazat dan tidak pula memakai pakaian yang mewah”. Manakala al-Junayd berpendapat, “zuhud ialah kosong tangan daripada memiliki sesuatu dan kosong hati daripada cita-cita.”<sup>38</sup> Umumnya, berdasarkan anekdot-anekdot di atas, cara hidup zuhud yang dijalani oleh para sufi sekitar kurun pertama dan kedua Hijrah ialah zuhud yang menekankan perasaan takutkan azab neraka dan mengharapkan syurga yang disalurkan kepada membuang apa sahaja yang berbentuk duniawi untuk menjadi ahli syurga.

Kemunculan Rābi`ah telah menukar arus perdana tersebut di mana beliau memberi penekanan konsep zuhud berasaskan cinta. Selain itu, Rābi`ah turut menuarkannya daripada zuhud yang berasaskan kehendak (*irādah*) kepada zuhud yang berasaskan *ma`rifah*.<sup>39</sup> Dalam sejarah perkembangan tasyawuf, Rābi`ah diiktiraf sebagai orang pertama mengemukakan konsep zuhud bersama cinta. Zuhudnya membuat beliau hidup dalam kemiskinan dan menolak segala kemewahan dunia serta keseronokan diri secara total sehingga akhir hayatnya. Para penulis biografinya mencatat rakan-rakan seperjuangannya sentiasa cuba menolong beliau dengan memberi pelbagai kemudahan bagi

<sup>36</sup> Dr. Che Zarrina Sa’ari (1999), “An Analytical Study of Rise and Development of Sufism: From Islamic Asceticism to Islamic Mysticism”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 10, Disember 1999, h. 21.

<sup>37</sup> Al-Sha’rānī (t.t.), *al-Tabaqāt al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 19.

<sup>38</sup> Faysal Badir’Un (1983), *op. cit.*, h. 111.

<sup>39</sup> Tāhā ‘Abd al-Bāqī Surūr (1978), *op.cit.*, .h. 79.

meringankan bebanan kehidupannya tetapi beliau selalu menolak. Rābi'ah pernah berkata: "Sesungguhnya zuhud kepada dunia memberikan ketenangan dan keamanan, sedangkan terlalu mendambakan dunia boleh mendatangkan kekecewaan dan kesedihan. Oleh itu, persiapkanlah kehidupan akhiratmu dan dahulukanlah tempatmu kembali serta jadilah penasihat kepada dirimu sendiri. Jangan jadikan orang lain sebagai penasihatmu kerana orang lain akan mengikuti jejak langkahmu. Janganlah engkau bebankan orang lain untuk mengurus kepentinganmu kerana mereka akan membahagi-bahagikan warisanmu. Berpuasalah selama-lamanya dan jadikanlah masa berbuka engkau pada saat kematian menjelma. Mengenai aku sendiri, walaupun Allah telah melimpahkan kekayaan sebanyak yang telah dilimpahkan kepadamu atau berlipat kali ganda lagi, aku sama sekali tidak terpedaya dan tidak akan berbahagia meninggalkan zikir kepada Allah walaupun hanya sesaat."<sup>40</sup>

Rābi'ah lebih rela tinggal di rumahnya yang serba daif, bersolat di atas tikar sembahyang yang usang, berwuduk dari sebuah bekas air yang sudah pecah dan tidur di atas sekeping bata daripada meminta-minta atau menerima bantuan orang lain kerana baginya kemewahan itu akan mengganggu gugat konsentrasinya untuk terus mencintai Allah di samping rasa malunya untuk menerima bantuan dan pertolongan daripada yang lain selain Allah SWT.. Beliau menolak kehidupan dunia semata-mata kerana kecintaannya yang amat mendalam terhadap Allah SWT.. Diriwayatkan bahawa Gabenor Basrah telah memberi harta kepada Rābi'ah untuk digunakan bagi memenuhi keperluan sehari-hariannya, namun beliau menangis sambil berkata: "Allah SWT. tahu aku malu untuk meminta daripadanya perkara-perkara dunia yang Dia miliki, jadi bagaimana aku hendak mengambilnya daripada orang yang tidak memilikinya"<sup>41</sup>

Rābi'ah juga berpandangan bahawa kesusahan dan kesakitan adalah wahana untuk menyucikan diri. Oleh yang demikian, beliau redha hidup dalam kesusahan dan penderitaan, malah menganggap kedua-duanya itu sebagai makanannya sehingga Rābi'ah sering meminta kepada Allah agar kesusahan dan penderitaan terus menerus ditambahkan ke atas dirinya: "Alangkah sedikitnya kesusahanku". Yang bermaksud beliau mengeluh kerana cintanya kepada Allah masih terlampau sedikit.<sup>42</sup> Ini membuktikan bahawa kesusahan, penderitaan dan kesakitan hanyalah berupa ujian dan cabaran daripada Allah SWT. terhadap hambaNya supaya mereka lebih hampir kepadaNya,

<sup>40</sup> 'Abd al-Mun'im Qindil (1997), *op.cit.* , h. 53.

<sup>41</sup> Tāhā 'Abd al-Bāqī Surūr (1978), *op.cit.*, h. 80.

<sup>42</sup> Haji Zainal Arifin Abbas (1979), *Ilmu Tasawwuf*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 453-454.

bersyukur dengan nikmatNya, mengingatiNya, malah mencintaiNya dengan lebih mendalam.

Selain itu, Rābi`ah juga terkenal dengan konsep ketakutan (*khawf*) dan pengharapan (*rajā'*)nya yang turut dilandasi dengan konsep utamanya cinta Ilahi. Dari sudut terminologinya *khawf* bermaksud takut dari terjerumus ke lembah kemaksiatan yang menyebabkan seseorang itu mendapat kutukan dan kemurkaan Allah SWT. sehingga ia berusaha menghindari kemungkaran tersebut. Manakala *rajā'* pula bermaksud mengharapkan keredaan dan keampunan Allah serta balasan yang dijanjikanNya iaitu mendapat pahala dan memasuki syurga serta menghindari dosa dan neraka. Ketakutan dan pengharapan merupakan dua konsep yang tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya berjalan seiring dalam seseorang hamba Allah melaksanakan perintah Allah dan menghindari larangannya.

Pengharapan dan ketakutan yang ditonjolkan oleh Rābi`ah amat berlainan daripada ahli-ahli sufi sezaman dengannya termasuk Ḥassan al-Baṣrī yang mempelopori kedua-dua konsep ini.<sup>43</sup> Bagi Rābi`ah, amal ibadah dan kebaikan yang dilakukannya demi untuk Allah SWT. semata-mata dan bukanlah mengharapkan balasan kenikmatan syurgaNya ataupun supaya dijauhkan daripada dicampakkan ke dalam azab neraka. Nikmat kesenangan yang ada di dalam syurga tidak pernah menjadi pendorong Rābi`ah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Tetapi pendorong utamanya ialah kerinduan untuk melihat wajah Allah SWT, katanya: “Tuhanku, jadikanlah neraka itu tempat musuh-musuhMu dan syurga itu tempat para kekasihMu. Adapun bagi aku memadai dengan melihat dan menyaksikan zatMu.”<sup>44</sup> Manakala apabila Rābi`ah berada dalam keadaan ketakutan, beliau sering berkata: “Sungguh sedikit bekalku yang memungkinkan ianya tidak memadai untuk menyampaikan aku kepada tujuan akhirku. Patutkah aku menangisi bekal yang sedikit ini dan aku ratapi perjalanan yang panjang ini? Oh Tuhanku, sekiranya Engkau hendak membakar aku, lalu di manakah harapanku yang menggunung kepadaMu. Oh Kekasihku, kemanakah menghilangnya ketakutan yang luar biasa kepadaMu.” Cinta Ilahi Rābi`ah yang diiringi dengan pengharapan untuk melihat wajahNya serta ketakutan terhadap bekalannya yang sedikit menyebabkan Rābi`ah sering menangis dan bersedih. Ketika beliau ditanya mengapa beliau sering menangis sehingga sejadahnya dibasahi air mata, maka

<sup>43</sup> Konsep ini dipelopori oleh Ḥassan al-Baṣrī yang menyatakan tujuan kedua-dua konsep ini ialah untuk mendapatkan kebebasan dari kejahatan dan kemaksiatan serta mencapai kebaikan dan ketakwaan dan seterusnya mengharapkan balasan yang baik dari Allah sebagaimana yang dijanjikanNya. (Farid al-Din ‘Attar (t.t.), *op. cit.*, h. 19.

<sup>44</sup> ‘Abd Mun’im Qindil (1997), *op.cit.*, h. 158.

beliau berkata: "Aku takut berpisah dengan Allah SWT. walaupun sedetik kerana aku tidak boleh hidup tanpaNya. Aku takut Allah SWT. akan berkata kepadaku di saat kematianku: Jauhkanlah dia dariKu kerana dia tidak layak berada di sisiKu."<sup>45</sup>

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa kehidupan Rabi'ah sejak dari kecil hingga ke akhir hayatnya mampu digarap sebagai suatu bentuk motivasi bagi umat Islam terutama peminat-peminat beliau mahu pun dari kalangan ahli sufi atau pun tidak. Kesedihan kedua ibu bapa Rabi'ah ketika menyambut beliau akhirnya bertukar suasana penuh kesyukuran kerana anak kecil yang dilahirkan itu mempunyai keistimewaan tersendiri. Oleh itu benarlah janji-janji Allah bahawa setiap anak mempunyai ketentuan dan rezeki masing-masing yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.. Situasi hidup keluarga Rabi'ah yang amat sederhana tetapi penuh kesolehan telah membentuk Rabi'ah menjadi manusia yang baik, solehah dan matang berfikir walaupun dalam usia yang masih kecil. Mala petaka yang menimpa Rabi'ah iaitu menjadi yatim, terpisah daripada keluarga, menjadi hamba, dianiayai telah membentuk kesabaran yang tinggi di hati Rabi'ah, lantas menerima segala ujian dan cabaran itu sebagai pendorong untuk beliau terus mengabdikan diri pada Pencipta sehingga terbenam dalam jiwanya kecintaan yang agung terhadap Ilahi. Konsep-konsep tasawuf yang diperkenalkan beliau terutama konsep cinta Ilahi mengajar insan lain tentang kesucian dan ketulusan Rabi'ah dalam menggapai cinta Pencipta yang sekali gus menjadi pendorong kepada orang lain untuk menghampiri Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Konsep pengharapan dan ketakutannya mengajar insan lain supaya tulus ikhlas menjalani amal ibadah kepada Tuhan yang sekaligus merealisasikan perintah Allah berkenaan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar*. Dengan kata lain, kecemerlangan dan kegemilangan Rabi'ah dalam membentuk hubungan luar biasa antara beliau dengan PenciptaNya membayangkan bahawa insan lain sebagai manusia biasa juga mampu memberi penekanan kepada persoalan spiritual yang berkaitan dengan keimanan dan ketakwaan yang secara tidak langsung membina hubungan erat dengan Allah SWT., lantas menyerlahkan akhlak mulia, peribadi mulia dan kehidupan yang jauh lebih baik sebagai menyahut tujuan kejadian manusia sebagai hamba Allah dan khalifah Allah di muka bumi ini.

---

<sup>45</sup> Farid al-Din 'Attar (t.t.), *op. cit.*, h. 47.

